

“Puan, saya adalah pemandu Grab, akibat *rating* rendah dan terdapat aduan mengenai saya, pihak Grab telah menamatkan perkhidmatan saya. Saya ingin menuntut pampasan yang layak terhadap saya.”

Ini adalah soalan yang saya terima sekitar tahun 2018. Tergamam seketika memikirkan kemungkinan jawapan yang paling tepat. Apakah undang-undang yang terlindung kepada jenis pekerjaan ini? Maka, pandangan saya ketika itu ialah jenis pekerjaan pemandu Grab ini adalah berbentuk ‘*contract for service*’ di mana tiada hubungan majikan dan pekerja, *master and servant*. Seseorang secara dasarnya menawarkan perkhidmatan atas konsep *freelance* pada kadar bayaran atau *fee* tertentu. Undang-undang perburuhan sedia ada tidak melindungi pekerjaan berbentuk ‘*contract for service*’. Sekurang-kurangnya itu jawapan saya ketika itu.

PENGGHIDMAT GIG EKONOMI DAN PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG PERBURUHAN

Perkembangan mutakhir seiring dengan perkembangan platform teknologi digital, kini muncul terminologi baru iaitu ‘gig ekonomi’.

Tiada satu definisi universal bagi gig ekonomi. Ia boleh ditakrifkan sebagai, “*flexible jobs are commonplaces and companies tend towards hiring independent contractors and freelancers instead of full-time employees*”.

Gig ekonomi adalah sebuah model ekonomi yang memerlukan organisasi atau perniagaan beroperasi dengan bergantung kepada pekerja bebas. Ia juga merupakan sebuah model ekonomi yang memerlukan pekerja dan peniaga menggunakan sistem kontrak atau projek untuk aktiviti perniagaan mereka. Ia berkonsepkan pekerjaan sementara atau fleksibel dan perkhidmatan yang ditawarkan samada tugas berasaskan kemahiran atau tugas berasaskan kehendak.

Gig ekonomi adalah pekerjaan yang berasaskan kontrak jangka masa pendek dan pekerjaan bebas dengan disokong oleh aplikasi teknologi.

Tiga komponen utama dalam gig ekonomi ialah pertama, pekerja bebas dibayar berasaskan tugas tertentu. Kedua, pelanggan mahu perkhidmatan spesifik dan ketiga,

syarikat membina medium antara pekerja bebas dengan pelanggan menggunakan platform aplikasi teknologi. Antara contoh ialah seperti perkhidmatan *e-hailing*, juga perkhidmatan penghantaran makanan atas talian.

Mereka yang bekerja dalam sektor ini biasanya dipanggil '*freelancer*' atau '*gigger*'. Selain itu, terdapat beberapa istilah lain yang sering digunakan seperti, '*sharing economy*', '*collaborative economy*', '*digital economy*', '*crowd economy*' dan '*peer economy*'.

Bagi setengah negara Barat, gig ekonomi sudah pun popular sejak 10 tahun yang lalu. Di Malaysia, walaupun agak ketinggalan berbanding negara Barat, penerimaan terhadap konsep gig ekonomi kini melonjak positif.

Kewujudan gig ekonomi di Malaysia menjadi jawapan kepada konsep pendapatan tambahan di luar waktu kerja. Juga bagi mereka yang lebih senang dengan konsep pekerjaan dengan masa fleksibel mengikut kelapangan tanpa terikat kepada waktu kerja berjadual. Para pelajar, suri rumah dan graduan adalah golongan yang semakin mendekati gig ekonomi bagi menanggung kehidupan seharian. Juga tidak mengejutkan sekiranya terdapat individu yang sanggup meninggalkan bidang *professional* untuk menyertai gig ekonomi.

Antara perkhidmatan yang berbentuk gig ekonomi yang popular di Malaysia ialah seperti perkhidmatan penghantaran makanan seperti *FoodPanda*, *GrabFood* dan *BungkusIt* di mana pengkhidmat gig ekonomi amat berminat menjadi *rider*. Manafaat yang diterima, *rider* menikmati faedah wang tambahan dan fleksibiliti waktu kerja. Ia menjadi popular atas konsepnya yang mudah iaitu kerja yang fleksibel berpadanan dengan usaha dan bebas.

Manakala pekerjaan kemahiran tinggi (*high skill jobs*) juga turut memiliki jumlah *freelancer* yang tinggi bagi jenis perkhidmatan seperti *financial consultant*, *data analyst*, *graphic designer*, *videographer* dan banyak lagi bidang *professional* lain.

Tren perkhidmatan ini menjadi sangat popular kebelakangan ini ekoran daripada situasi pandemik Covid-19 yang mengakibatkan pergerakan keluar yang terhad. Permintaan amat tinggi daripada pelanggan, telah memberi ruang dan peluang yang lebih besar kepada pengkhidmat atau *rider*.

Secara keseluruhannya, gig ekonomi akan membuka ruang yang lebih besar kepada perkembangan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, bagi mendepani perkembangan dalam gig ekonomi yang bakal menggantikan pekerjaan konservatif, maka adalah wajar untuk diwujudkan satu undang-undang dan peraturan bagi mengawal selia pihak yang terlibat dalam gig ekonomi supaya semua pihak mendapat manfaat.

Sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu, misi yang jelas harus diadakan dalam penyediaan peluang dan rangkaian pekerjaan berasaskan gig ekonomi. Pihak-pihak berkuasa berkaitan haruslah mengambil peranan merangka ekosistem gig ekonomi terutama daripada aspek regulasi, pembelaan terhadap kepentingan pengguna dan pekerja.

Berkait dengan perlindungan undang-undang perburuhan, undang-undang sedia ada tidak melindungi perkhidmatan gig ekonomi dan melayan isu pekerjaan di bawah gig ekonomi sebagai '*contract for service*'. Oleh yang demikian, isu penamatan perkhidmatan seperti yang ditimbulkan di permulaan artikel ini, tidak akan terbela. Begitu juga isu-isu lain melibatkan salahguna pihak syarikat dalam menguatkuasakan skim pembayaran yang tidak adil kepada pekerja gig ekonomi ini. Tanpa undang-undang perburuhan yang melindungi, pengkhidmat gig ekonomi akan terdedah kepada eksploitasi.

Undang-undang pekerjaan meliputi industri gig ekonomi ini, seharusnya mempunyai garis panduan atau peraturan berkaitan kepada mereka yang terlibat dalam ekonomi ini bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak majikan dan pengkhidmat adalah terlindung dan terbela. Antara perkara yang seharusnya diberi perhatian adalah isu pembayaran dan faedah-faedah pekerja, juga isu hak dan perlindungan pekerja. Manakala syarat-syarat perkhidmatan atau kontrak perjanjian haruslah memberikan situasi menang-menang. Sudut perlindungan seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga harus diteliti.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi dunia baru, wajarlah wujudnya satu undang-undang dan peraturan khas dari aspek legislatif perburuhan bagi mengawal selia pihak yang terlibat supaya semua pihak mendapat manfaat.

Semoga dalam tempoh yang terdekat, apabila diajukan soalan sebegini, *“Hello, I’m a gigger, I got terminated from my job. What are my rights?”*

Maka, tanpa ragu-ragu sebagai pengamal undang-undang perburuhan , kita akan dapat menerangkan dengan jelas dan terperinci tentang hak-hak dan kelayakan yang terlindung kepada seorang pengkhidmat gig ekonomi.

Jabatan Perhubungan Perusahaan Kelantan

28 Jun 2021